

PUNCA KOS RUMAH PR1MA MENINGKAT

Selangor, Pulau Pinang kenakan syarat pelik

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mendedahkan, Kerajaan Selangor dan Pulau Pinang mengenakan syarat tambahan yang disifatkannya sebagai pelik kepada pemaju perumahan dan pembeli, menyebabkan kos kediaman meningkat di dua negeri terbabit.

Perdana Menteri berkata, syarat itu membuatkan pemaju antaranya yang terbabit dalam projek Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) terpaksa menanggung kos tambahan sehingga membebankan rakyat untuk membeli rumah.

“Di Selangor dikenakan pelbagai syarat yang menambahkan kos rumah yang dapat dijual PR1MA. Jadi apabila ada syarat tambahan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka kos rumah terpaksa dijual PR1MA itu terpaksa ditambah kerana apabila ada syarat tambahan, ada kos tambahan. (Situasi) Ini dialami semua pemaju di Selangor.

“Di Pulau Pinang pula, ada syarat pelik sikit iaitu (pembeli rumah) mesti jadi pengundi di negeri itu baru

boleh beli rumah. Ini pun syarat yang agak luar biasa yang dikenakan Kerajaan Pulau Pinang,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional - Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) anjuran PR1MA di sini, semalam.

Kaji semula syarat tambahan

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) akan mengkaji semula syarat tambahan membebankan itu jika diberi mandat mentadbir kedua-dua negeri berkenaan pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14), nanti bagi mengurangkan kesulitan kepada pemaju dan pembeli rumah.

Beliau berkata, langkah itu juga bagi memudahkan proses pembinaan rumah mampu milik sekali gus membantu pemilikan rumah oleh rakyat dalam kelompok B40 dan M40.

“Kita tak cadang untuk menambah syarat yang akan membawa kepada kos yang lebih tinggi.

“Insya-Allah, jika kita diberi ke-

percayaan untuk memimpin di negeri Selangor, kita akan kaji semula syarat tambahan yang dikenakan oleh kerajaan negeri bukan sahaja untuk PR1MA, malah pemaju rumah lain.

“Ini kerana, kesemuanya (pemaju) telah pun menyuarakan rasa tak puas hati terhadap syarat tambahan yang telah dikenakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Mereka kata (syarat tambahan) menambahkan kos pembinaannya akhirnya rakyat menanggung bebannya,” katanya.

Dalam pada itu, Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata Kerajaan Pusat turut membina berbagai projek rumah mampu milik rumah di Pulau Pinang, antaranya di Permatang Pauh yang sudah terlaksana 10 peratus membabitkan 1,017 unit; Batu Feringghi (1,248 unit) dan Bukit Gelugor (2,387 unit).

“Saya nak maklumkan di tanah besar, harga rumah adalah RM250,000 ke bawah, manakala di sebelah pulau RM300,000 ke bawah. Ini tunjukkan PR1MA dapat jual rumah jauh lebih



Insya-Allah, jika kita diberi kepercayaan untuk memimpin di negeri Selangor, kita akan kaji semula syarat tambahan yang dikenakan oleh kerajaan negeri bukan sahaja untuk PR1MA, malah pemaju rumah lain”

Najib Razak,
Perdana Menteri

rendah daripada harga pasaran supaya kita dapat beri peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk beli rumah di Pulau Pinang dan Selangor,” katanya.

Sementara itu, sumber industri berkata, syarat tambahan di Selangor merujuk kepada caj pembangunan dan fi sumbangan (*contribution fee*) untuk pembinaan infrastruktur yang disifatkan paling tinggi di negara ini.

Menurut sumber, selain Selangor, Pulau Pinang juga antara negeri yang paling tinggi mengenakan caj untuk pemaju perumahan.

“Dekat Selangor memang kita (pemaju) dikenakan banyak jenis caj. Bagi pemaju swasta, sekiranya terpaksa menanggung kos pembinaan yang tinggi, mereka pindahkan secara kenakan ke atas pembeli.

“Bagi PR1MA, mereka cuba pastikan kos (harga) pembinaan rumah rendah kerana agensi ini ditubuhkan bukan berpaksikan keuntungan, tidak seperti pemaju lain yang mengejar untung semata-mata,” katanya.